

Jia Peng Olahragawan, Felnidiah Olahragawati UMS 2012

UB 23/05/2012 K14

OLEH VITALIS G. BINGKASAN
vbingkasan@yahoo.com

KOTAKINABALU: Atlet renang, Chuah Jia Peng dan atlet olahraga Felnidiah Lok Lassim menang anugerah Olahragawandan Olahragawati Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2012.

Jia Peng terpilih atas kejayaannya memenangi



JIA PENG

ELDY menerima hadiah Anugerah Olahragawan Harapan daripada Kamaruzaman. (gambar kanan)

menerima Penghargaan Khas pada malam itu.

Turut disampaikan adalah Penghargaan Khas kepada wartawan sukan Utusan Borneo (Vitalis G Bingkasan), The Borneo



EMMY menerima hadiah Anugerah Olahragawati Harapan.

beberapa pingat emas dalam acara renang pada kejohanan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum) manakala Felnidiah dalam acara 100 meter berpagar.

Jia Peng yang tidak bersama pada majlis tersebut kerana menyertai kejohanan di luar negeri dan Felnidiah masing-masing menerima wang tunai RM1,000 dan piala.

Anugerah utama pada Majlis Anugerah Sukan UMS 2012 yang berlangsung disini dua hari lalu tersebut disampaikan Menteri Belia Dan Sukan Sabah, Datuk Peter Pang En Yin.

Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Harapan pula dimenangi atlet olahraga, Eldy Sham Irlon dan Emmy Ahkim.

Anugerah Jurulatih Terbaik pula dimenangi jurulatih taekwondo; Lee



PETER Pang menerima cenderamenangan daripada Kamaruzaman.

Min Hee manakala pasukan bimbingannya (poomsae) menang anugerah pasukan Terbaik.

Pemenang Anugerah Olahragawan dan Olahragawati menerima wang tunai RM500 manakala Jurulatih Terbaik dan Pasukan Terbaik menerima RM200.

Beberapa pasukan, atlet dan jurulatih turut

Post (Arfandi Jaafar), The New Sabah Times (Francis Xavier) dan Daily Express (GL Oh).

Bersama-sama pada majlis tersebut adalah Naib Canselor UMS; Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon, Timbalan Naib Canselor Prof Madya Datuk Dr Hj Kassim Mansur dan Pengarah Pusat Sukan UMS Mohd Asyraf Fong Abdullah.



KAMARUZAMAN menyampaikan Anugerah Khas kepada wartawan sukan Utusan Borneo, Vitalis G Bingkasan (kanan).



WARTAWAN The Borneo Post, Arfandi Jaafar menerima Anugerah Khas daripada Kamaruzaman.

FELNIDIAH menerima hadiah Anugerah Olahragawati daripada Peter Pang.